

Peranan Industri Penerbitan terhadap Pembangunan Ekonomi

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Tabiat membaca di kalangan rakyat Malaysia masih perlu ditingkatkan selaras dengan matlamat untuk menjadi sebuah negara maju. Menurut satu kajian pada tahun 2010, secara purata seorang rakyat Malaysia yang berusia 10 hingga 40 tahun cuma membaca lapan buah buku setahun. Walaupun ini satu peningkatan berbanding dengan purata dua buah buku setahun pada tahun 2005 mengikut kajian Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). PNM juga melaporkan bahawa rakyat Malaysia lebih gemar membaca bahan bacaan yang kurang nilai ilmiah, yakni yang berbentuk santai.

Membentuk satu masyarakat yang gemar membaca, bukan sahaja mampu memartabatkan satu bangsa yang bertamadun tinggi, malahan ianya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tabiat membaca secara langsung menggalakkan permintaan untuk bahan bacaan, yang seterusnya mampu menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri penerbitan. Industri ini mempunyai kesan pengganda yang akhirnya mampu meningkatkan pendapatan negara. Manakala secara tidak langsung sumbangan tabiat membaca di kalangan rakyat jelata kepada ekonomi negara adalah melalui peningkatan kualiti tenaga kerja, yang seterusnya meningkatkan produktiviti pengeluaran.

Teori pembangunan konvensional mengaitkan pertumbuhan ekonomi dengan pengumpulan modal. Sebuah ekonomi yang mampu mengumpul stok modal fizikal yang banyak mampu tumbuh dengan lebih cepat berbanding dengan sebuah ekonomi yang mempunyai stok modal fizikal yang kurang. Namun teori modal insan yang diperkenalkan kemudian juga membabitkan modal insan di dalam pengumpulan stok modal yang perlu untuk pertumbuhan ekonomi di samping modal fizikal.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Modal insan dikaitkan dengan peningkatan kualiti buruh. Justeru, sumbangan tenaga kerja sebagai faktor pengeluaran tidak hanya terbatas kepada sumbangan “buruhnya” tetapi juga bergantung kepada kepakaran, ilmu dan pengalaman yang dimilikinya. Kepakaran, ilmu dan pengalaman inilah yang menyumbang kepada peningkatan kualiti buruh dan inilah yang dikenali sebagai modal insan. Oleh yang demikian, pengumpulan stok modal insan adalah dikaitkan dengan peningkatan kepakaran, ilmu dan pengalaman yang dimiliki oleh para pekerja di dalam sesebuah ekonomi.

Di dalam konteks peningkatan kualiti tenaga kerja, ianya mampu dicapai dengan pelbagai cara, tetapi lazimnya dikaitkan dengan latihan dan pendidikan formal. Tabiat membaca merupakan sebahagian penting dari proses pendidikan ini. Lebih-lebih lagi melalui pembacaan yang lebih berbentuk ilmiah.

Interaksi antara permintaan untuk bahan bacaan dan penawaran bahan bacaan adalah amat penting dari kedua-dua aspek, memupuk minat membaca di kalangan masyarakat dan pertumbuhan industri penerbitan. Tanpa minat membaca, tiada permintaan terhadap bahan bacaan yang seterusnya tidak mampu menggalakkan pertumbuhan industri penerbitan. Jika minat membaca tidak ditingkatkan, kualiti bahan bacaan yang dikeluarkan juga tidak akan meningkat. Justeru, masyarakat akan terperangkap di dalam kitaran sebuah sistem di mana masyarakat terus membaca bahan bacaan yang tidak meningkat dari segi kualitinya.

Strategi serampang dua mata perlu digembleng untuk mengeluarkan masyarakat dari terjebak di dalam kitaran ini. Pertama, minat membaca di kalangan masyarakat perlu di pupuk. Semua pihak berkepentingan perlu memainkan peranan masing-masing, bermula dari individu, keluarga, sistem pendidikan hinggalah ke peringkat kerajaan melalui preskripsi dasar. Matlamat akhir merupakan pembentukan masyarakat yang berpengetahuan ilmiah yang tinggi. Ini seterusnya mendorong kepada budaya penulisan ilmiah yang tinggi. Jika di imbau ketamadunan Islam, budaya berkarya tumbuh begitu pesat di kalangan masyarakat Islam. Malahan hasil karya mereka masih menjadi bahan rujukan dan kajian sehingga kini.

Dalam pada itu, industri penerbitan kini melalui fasa yang amat mencabar. Ianya mengalami perubahan struktur yang jelas. Media cetak yang mungkin satu-satunya

cara bahan bacaan diterbitkan pada masa dahulu, kini cuma merupakan salah satu dari caranya. Media elektronik mungkin mendominasi industri penerbitan. Lebih ramai orang yang mengalih ke media elektronik untuk membaca terutama di dalam proses mendapatkan maklumat.

Persoalan tentang buruk baiknya perubahan struktur ini tidak perlu digusarkan. Apa yang jelas, perubahan struktur ini memberi cabaran tertentu kepada semua pihak dan ianya perlu ditangani dengan cara yang optimum. Dari sudut permintaan, pihak pembaca disajikan dengan ledakan maklumat. Manakala dari sudut penawaran pula, pihak pengeluar menghadapi saingan yang lebih getir. Kedua-dua implikasi ini, iaitu ledakan maklumat untuk pengguna dan persaingan yang getir untuk pengeluar, masing-masing mempunyai buruk-baiknya.

Pengguna kini memilih bahan bacaan umpama mereka di dalam keadaan bersiar-siar di lebuhraya yang luas. Mereka dihadang dengan pelbagai produk bacaan di sepanjang lebuhraya. Keadaannya berbeza di era pra teknologi maklumat, di mana pengguna terpaksa memilih jalan tertentu yang hendak dilalui untuk mendapatkan maklumat tertentu. Malahan pemilihan jalan tersebut sendiri merupakan satu kemahiran.

Sudah tentu kebaikan ledakan maklumat adalah dari segi kemudahan mendapatkan maklumat dan ilmu pengetahuan. Namun demikian kemudahan ini mempunyai kesan negatif jika tidak ditangani dengan baik. Sesetengah maklumat mentah yang disajikan meragukan tentang kesahihannya. Mengambil maklumat yang meragukan sebegini sama ada akan memberi pengajaran yang salah atau pengajaran yang betul tetapi tidak beretika. Pihak pengguna perlu mempunyai kemahiran untuk menangani isu ini. Dari sudut pendidikan, bukan sahaja kemahiran yang perlu diterapkan, tetapi yang lebih penting adalah untuk menerapkan nilai-nilai etika yang bertepatan dengan norma masyarakat.

Sudah tentu penyedia maklumat, atau pengarang, merupakan punca penyebaran maklumat yang meragukan. Di era pra teknologi maklumat, proses penerbitan melalui kaedah pemantauan diri, di mana maklumat-maklumat yang diragui kesahihannya tidak mempunyai ruang untuk diterbitkan. Kedua-dua pihak, pengarang dan penerbit, lebih

berdisiplin dan bahan terbitan kurang diragui tentang kesahihannya. Manakala pada era teknologi maklumat kini, pengarang mempunyai kebebasan untuk menerbitkan apa sahaja yang ingin diterbitkan.

Dari perspektif ekonomi, peningkatan persaingan adalah baik secara keseluruhannya. Pengeluar menjadi lebih produktif dan akhirnya pengguna mendapat manfaat dari segi pilihan, harga dan kualiti. Justeru, perubahan struktur ini perlu dihadapi bukan ditentang. Pendekatan pragmatik yang perlu diambil adalah menerbitkan buku yang berkualiti dari segi kandungannya mengikut tanda aras antarabangsa.

Pada masa kini, Malaysia menerbitkan kurang dari 10,000 judul buku setahun, jauh di bawah paras piawaian antarabangsa Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang meletakkan nisbah 1,000 penerbitan baharu setahun untuk setiap sejuta penduduk sebagai sebuah negara maju. Ini bermakna industri penerbitan Malaysia perlu meningkatkan pengeluaran judul baharu sebanyak tiga kali ganda dari paras sekarang untuk meletakkan kita sebaris dengan negara maju menjelang 2020.

Sudah tentu usaha memupuk minat membaca wajib diteruskan kerana ianya merupakan faktor utama yang mempengaruhi permintaan untuk buku. Dalam pada itu usaha ini juga perlu untuk membentuk modal insan yang mapan. Walau bagaimanapun, usaha juga perlu tertumpu kepada penerbitan buku yang mampu menembusi pasaran antarabangsa, di samping pasaran domestik. Kunci utama untuk menembusi pasaran antarabangsa adalah kualiti. Jadi negara juga perlu berusaha mengeluarkan pengarang yang berkualiti. Isu bahasa adalah faktor kedua kerana buku yang berkualiti boleh diterjemahkan ke dalam apa bahasa sekali pun. Malahan, ini akan turut memakmurkan industri terjemahan yang turut merencanakan pertumbuhan industri penerbitan.

